

**KAJIAN ANALISA KEPERLUAN PERISIAN BAHASA ARAB DI  
KALANGAN PELAJAR IJAZAH & DIPLOMA UITM SARAWAK**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**UMMI SYARAH BT ISMAIL  
MOHD ZAFIAN BIN MOHD ZAWAWI  
MOHD BADRAN BIN IBRAHIM**

**JULAI 2010**



Surat Kami : 600-RMU/SSP/DANA 5/3 (1/7/2009)  
Tarikh : 8 Julai 2009

Ummi Syarah Binti Ismail  
Ketua Projek  
Akademi Pengajian Bahasa  
UiTM Sarawak

Mohd Zafian Bin Mohd Zawawi  
Ahli Projek  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Sarawak

Ustaz. Mohd Badran Bin Ibrahim  
Ahli Projek  
Akademi Pengajian Bahasa  
UiTM Sarawak

Tuan / Puan

**TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN DANA KECEMERLANGAN KATEGORI C 'KAJIAN ANALISA KEPERLUAN PERISIAN BAHASA ARAB DI KALANGAN PELAJAR IJAZAH & DIPLOMA UiTM SARAWAK'**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Teknikal RMU Sarawak telah meluluskan cadangan penyelidikan yang telah dikemukakan oleh tuan/puan bertajuk di atas dengan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Tempoh projek penyelidikan ini ialah 1 tahun, iaitu bermula 1 Ogos 2009 hingga 1 Ogos 2010.
- ii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak RM5000 sahaja. Tuan/puan diminta mengemukakan proposal beserta bajet yang baru mengikut kos yang diluluskan sebelum tuan/puan memulakan projek penyelidikan tuan/puan.
- iii. Pembelian peralatan computer adalah tidak diluluskan.
- iv. Semua pembelian bahan/ peralatan adalah diminta agar tuan/puan mematuhi prosidur perbendaharaan di mana pembelian melebihi RM500.00 hendaklah mengemukakan sebutharga dan borang analisa harga.
- v. Pihak tuan/puan dikehendaki mengemukakan laporan prestasi secara ringkas pada bulan Februari 2010 dan Ogos 2010 sepanjang penyelidikan tuan/puan berjalan.
- vi. Tuan/puan perlu menandatangi Borang Perjanjian Penyelidikan dengan kadar segera kerana penggunaan geran hanya dibenarkan setelah perjanjian ditandatangani. Borang Perjanjian Penyelidikan boleh diperolehi di laman web RMI.
- vii. Laporan Akhir perlu dihantar sebaik projek disiapkan dan format menulis laporan akhir boleh diperolehi di laman web RMI.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang benar

**PROF. MADYA DR. JAMIL HAJI HAMALI**  
Pengarah Kampus

- |      |    |  |
|------|----|--|
| s.k. | 1. | Prof. Dr. Abu Bakar Majid<br>Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) |
|      | 2. | Prof. Madya Dr. Rasidah Mahdi<br>Koordinator RMU, UiTM Sarawak     |
|      | 3  | Penolong Bendahari   |



## ISI KANDUNGAN

• Penghargaan	v
• Isi Kandungan	vi
• Senarai Jadual	ix
• Abstrak	x
<b>Bab Satu : Pendahuluan</b>	1
1.1 Latarbelakang Masalah	1
1.2 Objektif	2
1.3 Kepentingan Kajian	2
1.4 Skop/Batasan Kajian	3
1.5 Definisi Terma/Konsep	3
1.6 Kajian Literatur	4
1.7 Metodologi Kajian	7
1.7.1 Primer	7
1.7.2 Sekunder	7
1.7.3 Teknik Persampelan	8
1.7.4 Prosedur Analisa	8
1.8 Susunan Penulisan	8
<b>Bab Dua : Kajian Literatur</b>	10
2.1 Pengenalan Kepada Bahasa Arab	10

## **ABSTRAK**

Kajian ini berkisar mengenai Kajian Analisa Keperluan Perisian Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Ijazah & Dipoma UiTM Sarawak. Kajian memfokuskan kepada keperluan perisian bahasa Arab di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran ini sebagai bahasa ketiga, penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab komunikasi di kalangan pelajar dan minat pelajar terhadap bahasa Arab. Responden adalah di kalangan pelajar UiTM Sarawak samada yang mengambil kursus ijazah dan diploma.

Penulis mendapatkan, pelajar memerlukan satu perisian interaktif yang mempunyai video perbualan bahasa Arab dan paparan tulisan dalam bahasa Arab serta terjemahannya dalam rumi. Ini berdasarkan dapatan kajian yang dibuat menunjukkan peratusan yang tertinggi terhadap pandangan tersebut. Dapatan juga menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab komunikasi adalah sederhana walaupun pelajar berminat mengambil bahasa Arab sebagai bahasa ketiga.

**Keywords-** Keperluan; Perisian; Bahasa Arab; Pelajar Ijazah dan Diploma

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

Pendahuluan ini akan menghuraikan latarbelakang masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop/batasan kajian, definisi terma/konsep, kajian literatur, metodologi kajian dan susunan penulisan. Ia bertujuan bagi mengetahui isi utama perbincangan kajian ini dan dapat membantu pengkaji mencapai matlamat sebenar kajian dijalankan serta mempermudahkan pengkaji menjalankan kajian.

#### **1.1 Latarbelakang Masalah**

Bahasa Arab merupakan bahasa ketiga selain daripada bahasa asing yang lain seperti bahasa Mandarin yang menjadi bahasa asing pilihan pelajar untuk dipelajari. Di Malaysia bahasa Arab dipandang tinggi kedudukannya khususnya bagi orang Melayu. Bahasa Arab ini dipelajari dan sentiasa diberi perhatian sebagai mata pelajaran yang wajib khususnya di sekolah-sekolah kerajaan mahupun di institusi-institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Ini kerana bahasa Arab bukan sahaja sebagai bahasa kerohanian bagi orang Islam sewaktu mengerjakan ibadah solat, berpuasa, zakat dan haji malah bahasa Arab ini merupakan bahasa harian orang melayu sewaktu berkomunikasi seperti ucapan salam serta beberapa perkataan arab yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu (Abd Rauf Haji Hassan Azhari, 2005, h. 48).

Namun, apa yang membimbangkan bahasa Arab kurang mendapat perhatian dan sambutan yang menggalakkan di kalangan pelajar sebagai bahasa ketiga pilihan. Terdapat pendapat mengatakan bahasa Arab merupakan satu bahasa yang dianggap sukar oleh